



# EXCO AWAYDAY 2017

Pemukiman Majlis Mesyuarat  
Kerajaan Negeri Johor

PUSAT KONVENSyen ANTARABANGSA PERSADA JOHOR • 2 MEI 2017

Dianjurkan oleh



Rakan Strategik



Penaja Bersama



## ATURCARA MAJLIS

- 8.00 PAGI > KETIBAAN DAN PENDAFTARAN JEMPUTAN
- 8.30 PAGI > KETIBAAN YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Negeri Johor  
> KETIBAAN YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
- 8.45 PAGI > KETIBAAN YAB Menteri Besar Johor
- 9.00 PAGI > NYANYIAN LAGU BANGSA JOHOR & NEGARAKU  
> BACAAN DOA  
> UCAPTAMA YAB Menteri Besar Johor  
> MINUM PAGI
- 10.30 PAGI > PEMBENTANGAN SOROTAN PORTFOLIO JAWATANKUASA NEGERI OLEH YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Negeri Johor  
> MAKAN TENGAH HARI  
> BERSURAI

## AGENDA KEPIMPINAN BERPRESTASI SEBAGAI TERAS SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN NEGERI

"SAYA AMAT BERHARAP MAJLIS INI AKAN MEMBERI LONJAKAN YANG SEWAJARNYA KEPADA ASPIRASI KERAJAAN NEGERI DALAM USAHA MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF DAN BERASASKAN KEPADA PRESTASI."

Assalamualaikum W.B.T  
dan Salam Muafakat Johor,

Tahun ini adalah tahun keempat pelaksanaan Agenda Kepimpinan Berprestasi. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dimulakan ke atas Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Negeri (EXCO) telah diperluaskan kepada Badan Berkanun serta Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri. Dan bermula tahun ini, ia telah diperluaskan pula kepada para pegawai kanan dalam perkhidmatan negeri.

Pendekatan ini diambil dengan sasaran untuk mengukur secara objektif prestasi portfolio-portfolio Kerajaan Negeri. Lebih penting, segala pencapaian dan prestasi yang direkodkan tersebut, dikongsi secara terbuka dan telus dengan masyarakat umum melalui platform EXCO Awayday ini.

Sejak dimulakan Agenda Kepimpinan Berprestasi ini, kesemua YB EXCO Negeri Johor telah dipantau sebanyak 12 suku tahun. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, prestasi KPI EXCO Johor adalah seperti berikut:  
i. 86% dan ke atas – 7 YB EXCO; dan  
ii. 85% dan ke bawah – 3 YB EXCO.

Selari dengan objektif penganjuran majlis ini, YB-YB EXCO akan membentangkan sorotan pencapaian portfolio masing-masing. Melalui pembentangan ini, semua pihak berpeluang menilai segala pencapaian yang telah dicatatkan setiap portfolio.

Saya amat berharap majlis ini akan memberi lonjakan yang sewajarnya kepada aspirasi Kerajaan Negeri dalam usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang progresif dan berasaskan kepada prestasi.

Sesungguhnya, matlamat, perancangan dan pencapaian yang dibentangkan ini adalah hasil kerja keras dan komitmen bersama semua pihak dalam #TeamJohor.

Terima kasih.

**YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Besar Johor





# PENDEKATAN 5-LANGKAH AGENDA KEPIMPINAN BERPRESTASI TELAH MEMACU PERLAKSANAAN INISIATIF PRO-RAKYAT



## 1 ARAH TUJU STRATEGIK

## 2 PENETAPAN

## 3 PERLAKSANAAN

## 4 PEMANTAUAN & PELAPORAN

## 5 LAPORAN KEMAJUAN

Bengkel Penetapan KPI 2016  
2 Dis



Laporan Pencapaian Tahun 2015 Dan Cadangan Tahun 2016  
2 Feb



Laporan Pencapaian Suku Tahun Pertama (sehingga Mac)  
11 Mei



EXCO Awayday 2016  
3 Mac




Laporan Pencapaian Pertengahan Tahun 2016 (sehingga Jun)  
28 Ogos



Laporan Pencapaian Suku Tahun Ketiga (sehingga September)  
30 Nov



Penggunaan INPRES Dashboard  
1 Dis



Laporan Pencapaian Tahun 2016 dan Cadangan Tahun 2017  
7 Feb



2015 2016

2017



Pecah Tanah Inkubator Usahawan Muda PIJ  
9 Jan



Konvensyen Duta Jauhar  
24-27 Feb



Pelancaran Bas Muafakat Johor  
1 April



Pelancaran Rumah Transit MAINJ Fasa 2  
15 April



Penyerahan Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia  
26 Feb



Pelancaran Pelan Pertumbuhan Strategik Johor  
6 Mac



Penyerahan Kunci 11 Buah Sekolah Agama Kerajaan Johor  
6 April



Program Mini Agro Johor  
5-8 Mei



Aktiviti Home Help Service  
14 Mei



Pelancaran Kembara Kerjaya 3.0  
20-22 Mei



Penyerahan Bantuan Tabung Pendidikan Sarjana PDT  
14 Mei



Pelancaran Johor Mega Sales  
4 Jun



Pelancaran Johor Wifi  
31 Ogos



Aktiviti Johor Future  
6 Nov



Pelancaran Tabung Waqf Rakyat Johor  
8 Nov






## YB DATUK HAJI MD. JAIS BIN HAJI SARDAY

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor\*

PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016\*\*




JUMLAH INISIATIF 75



PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016\*\*\*



JUMLAH INISIATIF 12



### RUMAH MAMPU MILIK JOHOR (RMMJ)

Kerajaan negeri meneruskan usaha untuk menyediakan perumahan mampu milik iaitu fokus utama kedua Pelan Suara Hati Johor

Sebanyak 60,000 unit RMMJ disasarkan siap dibina sehingga tahun 2020.

Sehingga akhir tahun 2016 sebanyak 11,334 unit RMMJ telah berjaya di bina meliputi pelbagai daerah di seluruh Johor.

Dalam meringankan kos memasuki rumah RMMJ seramai 1,395 pemilik telah mendapat bantuan baucar bernilai RM1,000.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Pembiayaan RMMJ dengan fokus kepada mereka yang ditawarkan RMMJ tetapi tidak mendapat kelulusan pinjaman daripada institusi kewangan. Inisiatif ini adalah kerjasama dengan AmBank Islamik dengan dana berjumlah RM300 juta.

\* Berkuatkuasa 12 Mac 2017  
\*\* Bagi Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Johor  
\*\*\* Bagi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor



### BAS MUFAKAT JOHOR (BMJ)

Perkhidmatan Bas Muafakat Johor adalah perkhidmatan bas percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui 4 Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat serta diselenggarakan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ).

Perkhidmatan ini diadakan adalah satu lagi inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat berdepan dengan kos sara hidup.

Perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini telah bermula pada 1 April 2016 dengan 15 laluan di Iskandar Malaysia meliputi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Johor Bahru, Johor Bahru Tengah, Pasir Gudang dan Kulai.

Sebagai permulaan 30 buah bas yang terlibat kini dilengkapi dengan Sistem CCTV, GPS, Sistem Data Penumpang dan Kemudahan Internet Percuma (WIFI).




## YB PUAN HAJAH ASIAH BINTI MD ARIFF

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Negeri Johor

PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016



JUMLAH INISIATIF 75



### IQFA ADALAH AKRONIM DARI IQRA (IQ) DAN FARDU AIN (FA).

Program IQFA telah mula diperkenalkan sejak tahun 2014 atas cetusannya Idea YAB Dato' Menteri Besar Johor dalam memastikan kanak-kanak seawal usia 4 tahun dari keluarga berpendapatan rendah dapat menguasai pendidikan awal Islam sebelum melangkah ke pendidikan yang lebih formal.

Program ini dilaksanakan secara percuma tanpa yuran tambahan. Peruntukan sepenuhnya dari Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 2014.

### PERLAKSANAAN IQFA MERANGKUMI 5 MODUL UTAMA:

- Bijak Muqaddam
- Hafazan doa-doa harian
- Hafazan surah lazim dan surah pilihan
- Asas Fardhu Ain
- Asas Bahasa Arab & Tulisan Jawi (bermula tahun 2017)

Sejak tahun 2014 hingga 2017, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukan sebanyak RM 3,076,840 yang membolehkan seramai 9,165 orang kanak-kanak menerima manfaat.

TAHUN	TABIKA	KANAK-KANAK	PERUNTUKAN (RM)
2014	26	489	148,200
2015	78	1,467	457,600
2016	156	3,195	1,098,240
2017	194	4,009	1,372,800

### ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan OKU sebagai mereka yang pada sesuatu masa, terhalang oleh keadaan fizikal atau mental dari melakukan aktiviti-aktiviti normal rakan sebaya seperti sosial, rekreasi, pelajaran dan vokasional. Menurut WHO, 1.3% Penduduk Sesebuah Negara Terdiri Daripada Golongan OKU.

Seramai 51,544 OKU (sehingga April 2017) telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor. Jumlah keseluruhan OKU berdaftar di Malaysia pula adalah seramai 422,137 orang.

### TIGA BENTUK BANTUAN UTAMA KERAJAAN KEPADA OKU:

- Kewangan
- Bantuan Kewangan
  - Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT)
  - Bantuan Geran Pelancaran (BGP)

### Institusi

- Bengkel Sampul Surat
- Taman Sinar Harapan
- Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK)
- Taska dan Tadika OKU (kategori pekak dan bisu)

### Perkhidmatan

- Pendaftaran Orang Kurang Upaya
- Job Coach (Penjodohan Pekerjaan OKU)
- Kursus Bahasa Isyarat Malaysia





## YB DATUK TEE SIEW KIONG


Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dan Kepenggunaan Negeri Johor

**PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016**

JUMLAH  
KPI  
**10**



JUMLAH  
INISIATIF  
**46**



### PROGRAM DESASTAY JOHOR

Program DesaStay merupakan suatu penjenamaan semula bagi inap desa Johor.

Tourism Johor telah mengenal pasti 32 buah kampung DesaStay yang berpotensi untuk dibangunkan.

Bagi 2016, Tourism Johor telah:

- Mendirikan 10 papan Tanda Selamat Datang DesaStay, Postbox DesaStay, Brosur Pakej dan Laman Web DesaStay.
- Menyediakan kursus Bahasa Inggeris dan Hospitaliti serta membawa DesaStay yang bersedia menyertai promosi pelancongan di Ekspo Pelancongan Dalam dan Luar Negara.

Sebanyak 300 orang telah mendapat manfaat dari program tersebut.



### PRESTASI PELABURAN JOHOR

Bagi Tahun 2016, Johor kekal sebagai negeri yang menarik pelaburan sektor pembuatan terbesar di Malaysia dengan nilai berjumlah RM26.4 billion.

Ini adalah tahun ke-empat berturut-turut Johor menarik pelaburan terbesar berbanding negeri lain.

Tahun 2016 - Johor penyumbang utama bagi pelaburan sektor pembuatan kepada Malaysia, dengan menyumbangkan RM15.22 bil (48.97%) untuk Pelaburan Domestik manakala RM11.2Bil (40.85%) daripada Pelaburan asing.

Ini telah membantu pengwujudan 8,587 peluang pekerjaan

## YB DATUK Ir. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD

Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor

**PENCAPAIAN TAHUN 2016**

JUMLAH  
KPI  
**12**



JUMLAH  
INISIATIF  
**4**



## WIFI MUAFAKAT



### JOHOR WIFI

- 20.36% responden Kajian Suara Hati Johor bangkitkan kemudahan WiFi, Jalur Lebar dan jaringan telekomunikasi
- Kini 234,430 pengguna berdaftar dan 633,628 jumlah sesi pengguna



### PELANCARAN 30 OGOS 2015

- Bermula di lokasi tumpuan
- 135 hotspot Johor WiFi
- Lokasi di PBT dan PPR
- Peruntukan untuk 3 tahun berjumlah RM 12.477 juta.



### BERKEMBANG KE LUAR BANDAR

- Pelancaran 10 April 2017
- 49 lokasi di Daerah
- Penambahan 25 lokasi PBT
- Meningkatkan kapasiti kelajuan talian 4MB kepada 8MB
- Peruntukkan RM 4.31 juta

## "BUILT TODAY FOR A BETTER TOMORROW"



### KOMITMEN DAN KECEMERLANGAN

- 7 November 2016 JKR Ronda dilancarkan
- Negeri pertama menyediakan perkhidmatan Pemantauan dan Penguatkuasaan jalan negeri
- 2000 km jalan negeri P & P 100 km sehari



### SELENGGARA JALAN KAEDAH PBC

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi
- Konsesi bertanggungjawab ke atas mutu kerja
- Tumpuan masa intervensi dan melaksanakan program pencegahan penyelenggaraan
- Tempoh 3 tahun bagi pelaksanaan sepenuhnya



### IDEA TANPA SEMPADAN

- 7 Program Inovasi
- Perlaksanaan projek secara Pre-Approve Plans (PAP)
- SKALA penggunaan sistem kawal dan lapor.



## YB ENCIK VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN


Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Dan Sumber Manusia Negeri Johor

**PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016**

JUMLAH  
KPI  
**15**



JUMLAH  
INISIATIF  
**46**



Azam Kerja Muafakat Johor merupakan program bantuan khusus untuk rakyat Negeri Johor yang telah diadakan dua tahun berturut-turut bermula pada tahun 2015. Matlamat program ini adalah untuk membantu mengembangkan keupayaan dan meningkatkan ekonomi kepada penerima bantuan melalui pelbagai program seperti program jana pendapatan, latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan serta kebolehpekerjaan.

Sepanjang 2 tahun perlaksanaan, Azam Kerja Muafakat Johor telah memberi manfaat kepada seramai lebih 1,000 orang rakyat di negeri ini.

TAHUN 2015	TAHUN 2016
JANA PENDAPATAN <b>168 PENERIMA</b>	JANA PENDAPATAN <b>306 PENERIMA</b>
KURSUS SKILLS PLACEMENT <b>40 PENERIMA</b>	KURSUS PEMBANGUNAN KEUPAYAAN PESERTA <b>93 PENERIMA</b>
KURSUS KEMAMPUAN KERJAYA (EMPLOYABILITY) <b>496 PENERIMA</b>	KURSUS KEMAMPUAN KERJAYA (EMPLOYABILITY) <b>270 PENERIMA</b>
JUMLAH KESELURUHAN <b>704 PENERIMA</b>	JUMLAH KESELURUHAN <b>669 PENERIMA</b>

Program Kembara Kerjaya 3.0 2016 merupakan acara tahunan selepas penganjuran program Kembara Kerjaya

yang bermula pada tahun 2014. Program ini telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2016 di mana konsep program secara konvoi dikekalkan ke empat (4) buah daerah iaitu bermula dari Kluang, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru.

JUMLAH KEHADIRAN PENGUNJUNG	<b>20,566</b>
JUMLAH PENEMPATAN PEKERJAAN	<b>1,161</b>
JUMLAH PENDAFTARAN SUKARELAWAN	<b>1,240</b>
JUMLAH PENDAFTARAN KEMAHIRAN	<b>726</b>
JUMLAH PENDAFTARAN KEUSAHAWANAN	<b>271</b>


Program yang berkonsep konvoi ini disertai oleh agensi-agensi yang membawa pelbagai maklumat dan peluang daripada pembangunan yang berlaku di negeri Johor untuk direbut dan diketahui oleh rakyat negeri ini. Maklumat dan peluang-peluang yang akan dibawa oleh peserta konvoi meliputi peluang kerjaya, peluang kemahiran, keusahawanan dan pelbagai aktiviti menarik.




## YB TUAN HAJI ABD MUTALIP BIN HAJI ABD RAHIM

Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor

JUMLAH  
KPI  
**16**



JUMLAH  
INISIATIF  
**54**



### ZAKAT

- Kutipan Zakat adalah sebanyak RM 250.4 juta iaitu 100% daripada sasaran RM 250 juta
- Agihan pula berjumlah RM 282,825,876.69.6 juta iaitu 115% daripada sasaran RM 272 juta
- Seramai 153,294 penerima zakat iaitu 100% daripada sasaran 140,000 penerima
- Kutipan Saham Wakaf Johor sebanyak RM 5.02 juta (67% drpd sasaran RM7.5 juta)

### ASNAF

- 22 kursus kemahiran asnaf meliputi jahitan dan masakan.
- 3 kursus kerohanian, 8 kursus tunas asnaf (anak-anak asnaf), 19 program melibatkan pembangunan ekonomi
- Bazar Usahawan Asnaf - 9 daerah telah berjalan iaitu Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Mersing, Segamat, Kota Tinggi, Kluang, Pontian dan Tangkak.

### BAITULMAL

- Hasil Kutipan Baitulmal-RM20.4 juta berbanding meningkat 68% berbanding RM13.95 juta pada tahun 2015.
- Agihan kepada masharif Baitulmal
- Bantuan pesakit-pesakit-RM17.811.07
  - Urusan Tahfiz Mayat-RM16,440.00
  - Bantuan anak-anak yatim-RM30,000.00
  - Bantuan kepada orang tua yang kurang upaya dan tiada yang menanggung-RM628,660.00
- Promosi baitulmal antaranya 15 forum, 5 seminar, 50 kuliah mahrib dan 2 billboard telah dilaksanakan bagi mempromosi kan baitulmal
- 3 unit rumah kedai di Tangkak telah selesai proses pembelian bagi kegunaan sebagai Pusat Hemodialisis
- 3 unit kedai perniagaan di Taman Bukit Dahlia telah selesai menandatangani perjanjian jual beli dengan Johor Land Berhad





## YB TUAN HAJI ISMAIL BIN MOHAMED

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Johor\*

**PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016\*\***

JUMLAH  
KPI  
**10**



JUMLAH  
INISIATIF  
**48**



### PROGRAM PERTANIAN RAKYAT/ PERTANIAN BANDAR

Sebanyak 442 lokasi projek dan 404 orang mendapat manfaat bagi Program Pertanian Rakyat dengan RM199,931 jumlah perbelanjaan dan sebanyak 184 lokasi projek dan 3,826 orang mendapat manfaat dengan jumlah perbelanjaan RM449,984 bagi program Pertanian Bandar.

Antara objektif program ini adalah:

- Menggalakkan penanaman sendiri bahan makanan
- Menambah pendapatan sampingan komuniti bandar melalui lebihan pengeluaran
- Menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti sekuriti makanan negara
- Memupuk kesedaran dan minat terhadap pertanian

### AGRO PELANCONGAN

- Meningkatkan taraf hidup usahawantani dari hasil aktiviti agro pelancongan
- Mempromosikan dan meluaskan pasaran produk segar dan hasil produk pemprosesan makanan terus kepada pelancong



\* Berkuatkuasa 12 Mac 2017

\*\* Bagi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Johor

### JABATAN PERTANIAN

Taman Pertanian Johor di Masai-RM969,057.42  
Skim Sawah di Tangkak : Kesang Tasek, Telok Rimba & Sawah Ring-RM159,985.00

### JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

TKPM Pengkalan Batu, Mersing-RM98,352.10

### JABATAN PERIKANAN

Kampung Sungai Tekam, Segamat-RM97,101.00

### LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

Nelayan Beach Resort, Pengerang-RM86,867.70

### LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

D'Manis Agro, Kota Tinggi - RM7,999.38



## YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Warisan Negeri Johor

**PENCAPAIAN  
TAHUN  
2016**

JUMLAH  
KPI  
**19**



JUMLAH  
INISIATIF  
**48**



### JOHOR FUTURE

Menyediakan generasi akan datang yang cergas dan bertanggungjawab kepada masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan dan sukan

### JOHOR FUTURE HOME

Menjadikan kesukarelaan sebagai BUDAYA

Menjalankan aktiviti membaiki rumah

- 280 buah rumah
- 56 Dun
- 5,600 sukarelawan terlibat



### JOHOR KE ARAH PUSAT TAMADUN MELAYU ANTARABANGSA

Pusat pengumpulan bahan-bahan berkenaan perkembangan tamadun Melayu meliputi dokumentasi dan koleksi persuratan, sejarah dan kajian

Perasmian PDJ pada 23 Julai 2016 oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin

Bilangan pengunjung 2016: 4,748 orang  
Anggaran bilangan pengunjung 2017 : 5,000 org  
Jumlah Buku: 9,468 buah

### PERANCANGAN 2017:

- Penghasilan Pelan Induk Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa
- Penambahan 200 koleksi buku
- Pengenalan kepada 500 bahan digital
- Persidangan Kearifan Tempatan



## YB DATUK AYUB BIN RAHMAT


Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan Dan Penerangan Negeri Johor\*

### PENCAPAIAN TAHUN 2016\*\*

JUMLAH KPI 20



JUMLAH INISIATIF 48



### MAJLIS PENGURNAIAN PERALATAN PERUBATAN KEPADA HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU PADA 20 NOVEMBER 2016.

DYMM Raja Zarith Sofia, Permaisuri Johor telah berangkat Ke Majlis tersebut dengan di iringi oleh Che Puan Khaleeda Bustamam, isteri kepada DYAM Tunku Mahkota Johor dan YAM Tunku Idris Iskandar Tengku Temenggong Johor.

Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) telah mengumpulkan sumbangan daripada badan korporat, syarikat-syarikat dan orang perseorangan ekoran kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Peralatan termasuk 4 buah katil ICU, sebuah Mesin 'Blood Gas', dua buah 'portable ventilator', 16 buah katil pesakit biasa dan beberapa unit 'syringe pump' dan 'feeding pump' bernilai RM460,000.00.

Majlis ini juga turut di hadiri oleh YADH Datin Rosni bte Omar, Isteri kepada YAB Menteri Besar Johor, YB Asiah binti Md Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor dan Dr. Hajah Rooshaimi Merican binti A. Rahim Merican, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

### LAWATAN KERJA PEMULIHAN DAN PENCEGAHAN DADAH KE CHIANG MAI, THAILAND PADA 24HB - 30HB OKTOBER 2016

LAWATAN PUSAT RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH

- Thanyarak Chiang Mai Hospital
- The Cabin Chiang Mai

PUSAT KERJASAMA DENGAN KOMUNITI TANGANI DADAH

- Santivana Drop In Center
- MC Kean Rehabilitation Center

Lawatan di ketuai oleh YB Datuk Ayub bin Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor merangkap Pengerusi PEMADAM Negeri Johor.

Selain itu, rombongan turut disertai oleh Pengarah AADK Johor, Pegawai Daerah Segamat dan Johor Bahru, 10 orang Pegawai AADK Negeri Johor serta 10 orang daripada UTM, PEMADAM Johor dan Rumah Hijrah.



\* Berkuatkuasa 12 Mac 2017  
\*\* Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor

# JOHOR BERKEMAJUAN

1 Semangat, pemikiran, nilai sikap dan orientasi senantiasanya menjurus kepada masa depan

2 Budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor

4 CIRI

3 Mewujudkan kondisi dan persekitaran yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa

4 Perencanaan mesti melihat perspektif global



## 7 FOKUS UTAMA



Meningkatkan Tahap Keselamatan



Menyediakan Perumahan Mampu Milik



Menangani Kos Sara Hidup & Kesejahteraan Rakyat



Menyediakan Kemudahan Awam & Infrastruktur



Memartabatkan Agama Islam




Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Yang Cepak



Meningkatkan Tahap Ekonomi & Pembangunan Usahawan



PELAN PERTUMBUHAN STRATEGIK JOHOR







jauhar.my



jauhar



jauhar\_Online



jauhar\_Online



jauhar\_Online



jauhar



jauhar

